



الجامعة الإسلامية ملقا
**UNIVERSITI
ISLAM MELAKA**

PEJABAT BENDAHARI
UNIVERSITI MELAKA
BATU 28, KUALA SUNGAI BARU
78200 MELAKA
Tel : 06-387 8443

No. Rujukan : UNIMEL/KEW/600.5.1/7/3 (005)

Tarikh : 16 Februari 2026
29 Syaaban 1447H

Assalamualaikum wr.wb. / Salam sejahtera

Perkara	PERINGATAN UNTUK MENJELASKAN TUNGGAKAN YURAN BAGI TUJUAN PENGAMBILAN "HALL TICKET" PEPERIKSAAN AKHIR SEMESTER PROGRAM PERDANA SESI II 2025/2026
Kepada	YDP Majlis Perwakilan Pelajar Semua Pelajar Program Diploma dan Ijazah Sarjana Muda
Daripada	Pejabat Bendahari, UNIMEL.
Salinan kepada	➤ YBhg. Prof Datuk Dr. Naib Canselor ➤ Pemangku Timbalan Naib Canselor, Hal Ehwal Akademik dan Antarabangsa ➤ Program Perdana, Unit Peperiksaan ➤ TNC Hal Ehwal Pelajar & Alumni ➤ Dekan Fakulti FUG/ FKI/ FPHT/ FSS/ FP ➤ Pembantu Tadbir Fakulti - Untuk tindakan paparan di fakulti.

Dengan segala hormatnya perkara di atas dan memo UNIMEL/AKA/PENT/1 bertarikh 11 Februari 2026 adalah dirujuk.

2. Semua pelajar yang masih mempunyai tunggakan yuran pengajian adalah **DIWAJIBKAN** untuk menjelaskan bayaran tersebut sebelum dibenarkan mengambil "**Hall Ticket**" Peperiksaan bagi menduduki peperiksaan akhir semester sesi II 2025/2026.

3. Sehubungan itu, semua pelajar yang terlibat hendaklah menjelaskan keseluruhan tunggakan yuran semester **selewat-lewatnya pada atau sebelum 28 Februari 2026** melalui kaedah pembayaran yang telah ditetapkan oleh pihak Universiti. Tiada sebarang pengecualian atau lanjutan tempoh akan diberikan.

4. Kegagalan menjelaskan tunggakan yuran dalam tempoh yang ditetapkan boleh menyebabkan pelajar tidak dibenarkan mengambil "Hall Ticket" di pejabat atau kaunter fakulti masing-masing seterusnya **tidak layak menduduki Peperiksaan Akhir Semester**.

Kerjasama dan perhatian semua amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian, terima kasih.

Saya yang menjalankan amanah,

(HJ ISMAIL BIN HASIM)
Bendahari
Universiti Islam Melaka